

0468

R B466 BAH  
MAHATHIR - AKHBAR

KUALA LUMPUR, 11 NOV (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MENGGESA AKHBAR-AKHBAR DI NEGARA INI SUPAYA LEBIH BERTANGGUNGJAWAB DALAM MENULIS SEBARANG LAPORAN MEREKA, SUNGGUHPUN KERAJAAN MENGAMALKAN DASAR LIBERAL TERHADAP AKHBAR-AKHBAR.

PERDANA MENTERI BERKATA, KERAJAAN SENTIASA MENGAWASI PERKEMBANGAN SETIAP AKHBAR DAN SEKIRANYA ADA AKHBAR MEMBUAT LAPORAN YANG TIDAK BERASAS, BERUNSUR FITNAH DAN MELANGGAR UNDANG-UNDANG, KERAJAAN DAN MANA-MANA PIHAK BERKAITAN BERHAK MENGAMBIL TINDAKAN TERHADAP MEREKA.

+DALAM PADA ITU SAYA SEDAR AKHBAR SEKARANG CUKUP BIJAK KERANA MEREKA BOLEH MENULIS MENGENAI ORANG LAIN DENGAN CARA YANG TIDAK BOLEH DIDAKWA... JADI, INILAH MASALAH KERAJAAN, DAN KITA TAK BOLEH BUAT APA-APA,+ KATANYA KEPADA PEMBERITA SELEPAS MERASMIKAN HARI KELUARGA KEBANGSAAN DI STADIUM BOLA SEPAK, KOMPLEKS SUKAN PUSAT BANDAR TUN RAZAK, CHERAS, DI SINI HARI INI.

BELIAU BERKATA DEMIKIAN SEBAGAI MENGULAS MENGENAI DESAKAN DARIPADA BEBERAPA KUMPULAN TERMASUK PERGERAKAN PEMUDA DAN WANITA UMNO BAHAGIAN KOTA SETAR YANG MEMINTA KEMENTERIAN DALAM NEGERI MENKAJI SEMULA PERMIT AKHBAR HAKAKH KERANA DIDAKWA SERING MENYIARKAN LAPORAN PALSU DAN BERUNSUR FITNAH.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, KERAJAAN SENTIASA MENGAWASI LAPORAN DALAM AKHBAR RASMI PAS ITU DAN MENGAMBIL BERAT TERHADAP ADUAN DARIPADA ORANG RAMAI.

BELIAU BERHARAP AKHBAR HAKAKH WALAUPUN BEBAS MENULIS SEBARANG BERITA DAN LAPORAN, TETAPI MEREKA PERLULAH BERTANGGUNGJAWAB. --  
BERNAMA

1622MST 11 11 90